

## Simbiosis Ilmu Kolonial dan Institusi Muzium: Analisis Pascakolonial Terhadap Representasi, Kuasa dan Dekolonisasi

*The Symbiosis of Colonial Knowledge and Museum Institutions: A Postcolonial Analysis of Representation, Power, and Decolonization*

AHMAD FARID ABD JALAL<sup>1</sup>, IBRAHIM MAJDI MOHAMAD KAMIL<sup>2\*</sup> & RAHIMIN AFFANDI ABDUL RAHIM<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Abu Bakar Museum, Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang MALAYSIA

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Jalan Universiti, 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.

<sup>3</sup>Yayasan Usuluddin Malaysia, B1-10-01, Space U8 Eco Mall, No.6 Persiaran Pasak Bumi, Bukit Jelutong, Seksyen U8, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia. Email:

\*Penulis Koresponden: [ibrahimmajdi@usm.my](mailto:ibrahimmajdi@usm.my)

Received: 20 July 2025; Accepted: 29 August 2025

### ABSTRAK

Artikel ini mengkaji hubungan simbiosis antara ilmu kolonial dan institusi muzium, dengan meneliti bagaimana keduanya saling memperkuat dalam membentuk dan menyebarkan wacana penjajahan. Berdasarkan kerangka teori pasca kolonial dan analisis literatur museologi, kajian ini mengenal pasti mekanisme kuratorial seperti taksonomi budaya, naratif penyelamatan, objektifikasi artifak, dan pembungkaman suara komuniti asal sebagai strategi epistemik kolonial yang berakar dalam struktur institusi muzium. Mekanisme ini telah menyumbang kepada pembentukan naratif dominan yang meminggirkan sistem pengetahuan tempatan dan suara komuniti asal, khususnya dalam konteks Alam Melayu dan Dunia Islam yang kaya dengan tradisi dan kearifan tempatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dan sorotan literatur terhadap teks akademik, dokumen kuratorial dan naratif sejarah yang telah diterbitkan. Sumber utama terdiri daripada karya tokoh teori pasca kolonial seperti Edward Said, Michel Foucault, Homi Bhabha dan Gayatri Spivak, serta kajian kontemporari dalam bidang museologi dan sejarah kolonial. Pemilihan rujukan berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian, keupayaan menjelaskan hubungan antara epistemologi kolonial dan amalan permuziuman, serta relevan terhadap konteks Malaysia dan Dunia Islam. Kajian ini melibatkan analisis kritikal terhadap teks membolehkan pengenalan pola wacana dan struktur kuasa yang tersembunyi dalam sistem representatif muzium kolonial. Kritikan pasca kolonial sejak dekad 1980-an telah mencetuskan pelbagai usaha dekolonisasi seperti repatriasi artifak, kurasi kolaboratif, pelabelan alternatif dan audit naratif. Usaha ini mencerminkan kesedaran bahawa dekolonisasi bukan sekadar tindakan pentadbiran atau pemulangan fizikal artifak, tetapi menuntut transformasi menyeluruh terhadap etika institusi, epistemologi dan struktur representasi. Artikel ini berhujah bahawa dekolonisasi yang autentik perlu membuka ruang kepada suara dan sistem pengetahuan komuniti asal bagi membina semula naratif yang adil, berakar dan berwibawa.

**Kata kunci:** Ilmu kolonial; muzium; pasca kolonial; dekolonisasi; kuratorial; representatif budaya; Alam Melayu; epistemologi Islam.

### ABSTRACT

This article examines how colonial knowledge and museum institutions mutually reinforce one another in shaping and disseminating colonial discourse. Grounded in postcolonial theory and museological literature analysis, the study identifies curatorial mechanisms such as cultural taxonomy, rescue narratives, artifact objectification, and the silencing of indigenous voices as epistemic strategies rooted in the structural foundations of colonial museums. These mechanisms have contributed to the formation of dominant narratives that marginalize local knowledge systems and indigenous

voices, particularly within the context of the Malay Archipelago and the Islamic world, both rich in tradition and indigenous wisdom. The study adopts a qualitative approach through content analysis and literature review of academic texts, curatorial documents, and published historical narratives. Primary sources include the works of postcolonial theorists such as Edward Said, Michel Foucault, Homi Bhabha, and Gayatri Spivak, alongside contemporary studies in museology and colonial history. Reference selection is based on relevance to the study's objectives, explanatory power in articulating the relationship between colonial epistemology and museum practices, and contextual significance to Malaysia and the Islamic world. The study involves critical textual analysis to uncover discursive patterns and power structures embedded within the representational systems of colonial museums. Postcolonial critiques since the 1980s have sparked various decolonial efforts, including artifact repatriation, collaborative curation, alternative labelling, and narrative audits. These initiatives reflect a growing awareness that decolonization is not merely administrative or limited to the physical return of artifacts, but demands a comprehensive transformation of institutional ethics, epistemologies, and representational structures. This article argues that authentic decolonization must create space for indigenous voices and knowledge systems to reconstruct narratives that are just, rooted, and dignified.

*Keywords: Colonial knowledge, museum, postcolonialism, decolonization, curatorial practice, cultural representation, Malay world, Islamic epistemology*

## PENGENALAN

Institusi muzium moden tidak dapat dipisahkan daripada sejarah kolonialisme dan pembentukan ilmu pengetahuan Barat. Sejak abad ke-18 dan ke-19, muzium telah berfungsi bukan sahaja sebagai tempat penyimpanan dan pameran artifak, tetapi juga sebagai alat epistemologi yang menyokong naratif kolonial melalui proses pengumpulan, klasifikasi, dan representasi budaya bukan-Barat (Bennett 1995; Clifford 1988). Dalam konteks ini, hubungan antara ilmu kolonial dan muzium boleh difahami sebagai satu bentuk simbiosis, di mana kedua-duanya saling memperkukuh dan memperluas pengaruh masing-masing.

Teori simbiosis yang lazim digunakan dalam bidang biologi telah dikembangkan dalam pelbagai disiplin termasuk antropologi dan kajian budaya, bagi menerangkan hubungan saling bergantung antara entiti sosial dan institusi (Latour 2005). Dalam kajian ini, konsep simbiosis digunakan untuk meneliti bagaimana ilmu kolonial dan institusi muzium saling menyokong dalam pembentukan dan penyebaran wacana dominan mengenai budaya dan sejarah masyarakat terjajah.

Di Malaysia, pengaruh ilmu kolonial terhadap institusi muzium telah meninggalkan kesan jangka panjang terhadap struktur kuratorial, naratif sejarah dan epistemologi tempatan. Kajian oleh Abdul Rahim et al. (2017) menunjukkan bahawa pendekatan kolonial dalam permuziuman telah membentuk cara masyarakat memahami warisan dan identiti mereka sendiri. Tambahan pula, kajian terkini oleh Ismail et al. (2025) menekankan keperluan untuk membangunkan konsep muzium berasaskan kearifan tempatan Melayu-Islam sebagai alternatif kepada *worldview* Barat yang dominan.

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis literatur untuk menelusuri bagaimana institusi muzium telah memainkan peranan penting dalam menginstitusikan pengetahuan kolonial melalui mekanisme kuratorial seperti taksonomi Barat, naratif penyelamatan, dan penghapusan suara komuniti asal. Di samping itu, makalah ini juga meneliti usaha dekolonisasi yang semakin mendapat perhatian dalam dunia akademik dan praktikal, serta cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan transformasi epistemologi dan institusi yang sebenar.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dan sorotan literatur. Sumber utama terdiri daripada karya teori pascakolonial seperti Edward Said, Michel Foucault, Homi Bhabha dan Gayatri Spivak, serta kajian kontemporari dalam bidang museologi dan sejarah kolonial. Di samping itu, makalah ini turut merujuk kepada artikel jurnal tempatan yang membincangkan isu dekolonisasi muzium dan epistemologi Melayu-Islam. Analisis dilakukan secara tematik terhadap mekanisme kuratorial kolonial, evolusi institusi muzium, dan usaha dekolonisasi dalam konteks global dan tempatan. Pemilihan rujukan dibuat berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian, keupayaan menjelaskan hubungan antara ilmu kolonial dan muzium, serta relevan terhadap konteks Malaysia dan Dunia Islam. Kajian ini tidak melibatkan kerja lapangan atau temu bual, tetapi berasaskan analisis kritikal terhadap teks akademik, dokumen kuratorial dan naratif sejarah yang telah diterbitkan. Pendekatan ini membolehkan kajian ini mengenal pasti pola wacana dan struktur

kuasa yang tersembunyi dalam sistem representatif muzium kolonial.

### ILMU KOLONIAL, INSTITUSI MUZIUM DAN HUBUNGAN SIMBIOSIS: SUATU ANALISIS TEORETIKAL

Ilmu kolonial merujuk kepada kerangka pengetahuan yang dibangunkan oleh kuasa penjajah untuk memahami, mengkategorikan, dan mengawal wilayah jajahan serta penduduknya. Ia bukan sekadar satu bentuk ilmu yang objektif, tetapi merupakan wacana yang berpaksikan kepada ideologi dominasi, hierarki ras, dan penafian terhadap sistem pengetahuan tempatan. Disiplin seperti etnografi, antropologi, arkeologi, linguistik dan geografi telah digunakan untuk membentuk imej masyarakat bukan-Barat sebagai “lain” (*the other*), sekali gus merasionalisasikan penjajahan atas nama kemajuan dan pencerahan.

Edward Said (1978) dalam karya *Orientalism* menegaskan bahawa ilmu kolonial mencipta imej Timur sebagai eksotik, pasif dan memerlukan campur tangan Barat. Michel Foucault pula menyatakan bahawa pengetahuan sentiasa berkait rapat dengan kuasa. Maka, setiap bentuk ilmu adalah sebahagian daripada strategi kawalan dan dominasi. Dalam konteks ini, institusi muzium memainkan peranan penting sebagai medium visual dan fizikal yang menyebarkan serta mengabsahkan ilmu kolonial kepada masyarakat awam. Muzium bukan sahaja berfungsi sebagai tempat pengumpulan dan klasifikasi artifak, tetapi juga sebagai alat ideologi negara kolonial yang mempamerkan keagungan empayar dan memperlihatkan tanah jajahan sebagai sumber kekayaan dan eksotisme. Muzium seperti *British Museum*, *Musée de l’Homme* di Paris dan *Museum für Völkerkunde* di Berlin menjadi tapak utama untuk mempamerkan hasil rampasan dan kajian dari wilayah jajahan.

Hubungan antara ilmu kolonial dan muzium dapat difahami melalui konsep simbiosis, iaitu satu bentuk hubungan saling bergantung dan saling memperkukuh antara dua sistem pengetahuan dan institusi. Teori simbiosis dalam ilmu sosial digunakan secara analogi untuk menerangkan bagaimana institusi dan wacana saling mempengaruhi dalam pembentukan struktur kuasa dan makna. Dalam kes ini, ilmu kolonial menyediakan naratif, klasifikasi dan justifikasi terhadap koleksi muzium, manakala muzium pula menyediakan pentas material dan

legitimasi awam bagi ilmu kolonial untuk di normalisasi.

Ciri-ciri hubungan simbiosis ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek kurator dan epistemologi. Ilmu kolonial membentuk wacana tentang “Lain”, mengklasifikasikan budaya bukan-Barat sebagai primitif, dan menghasilkan naratif penyelamatan yang meletakkan penjajah sebagai pelindung warisan. Muzium kolonial pula memberi visual dan menyebarkan naratif tersebut melalui pameran, label, susunan galeri dan estetika ruang. Sebagai contoh, galeri muzium sering disusun mengikut hierarki peradaban dari “primitif” ke “moden”, sekali gus memperkukuh logik evolusi sosial yang memihak kepada Barat.

Dalam konteks Malaysia, hubungan simbiosis ini dapat dilihat melalui kajian dan pameran artifak seperti manuskrip, keris dan tekstil Melayu yang dibingkai dalam naratif kolonial. Penulisan oleh pegawai British seperti Richard Winstedt bukan sahaja menghasilkan sistem klasifikasi sejarah dan bahasa Melayu, tetapi juga menjadi asas kepada pameran muzium di London yang menunjukkan pencapaian saintifik empayar. Kajian tempatan menunjukkan bahawa institusi muzium di Malaysia masih terperangkap dalam struktur epistemologi kolonial, dan memerlukan transformasi yang berakar kepada falsafah tempatan.

Penggunaan teori simbiosis dalam kajian ini membolehkan kita menolak anggapan bahawa muzium hanyalah tempat penyimpanan objek, dan ilmu kolonial hanyalah aktiviti akademik. Sebaliknya, kedua-duanya dilihat sebagai komponen sistemik dalam pembentukan kuasa, makna dan memori kolektif. Ia juga membantu membongkar bahawa struktur dominasi kolonial bukan sahaja fizikal, tetapi juga intelektual dan simbolik yang disebarkan melalui pameran, label, ruang dan naratif.

Implikasi epistemologi daripada hubungan ini amat besar. Ia menghasilkan sistem ilmu yang mengutamakan logik Barat dan menyingkirkan epistemologi tempatan. Muzium menjadi instrumen penyebaran pengetahuan secara unilateral, menyukarkan masyarakat jajahan untuk membina naratif sendiri. Dalam konteks kontemporari, kefahaman terhadap simbiosis ini penting bagi menggalakkan proses dekolonisasi ilmu, kurasi alternatif, dan pengiktirafan sistem ilmu bukan-Barat termasuk Islam dan pengetahuan masyarakat asal.

## EVOLUSI PERANAN MUZIUM DALAM PROJEK PENJAJAHAN

Institusi muzium moden tidak lahir dalam ruang kosong, ia merupakan sebahagian daripada projek imperialis yang bertujuan membina dan mengekalkan kuasa penjajahan. Dalam sejarah Eropah dari abad ke-17 hingga ke-20, muzium mengalami transformasi bertahap daripada ruang pengumpulan eksotik kepada institusi ideologi yang memainkan peranan penting dalam pembentukan wacana kolonial. Evolusi ini dapat difahami melalui empat fasa utama yang saling berkait dan membentuk asas kepada sistem kuratorial kontemporari.

### FASA EKSPEDISI DAN PENGUMPULAN (ABAD KE-17-18)

Fasa awal perkembangan muzium Eropah berkait rapat dengan misi penjelajahan dan penjajahan oleh kuasa-kuasa seperti Britain, Belanda, Perancis dan Sepanyol. Artifak dari wilayah asing dikumpulkan sebagai lambang kekuasaan dan dominasi. Koleksi awal ini sering disusun dalam bentuk *cabinet of curiosities*, iaitu ruang pameran yang menampilkan objek eksotik seperti tengkorak, fosil, manuskrip dan alat budaya tempatan tanpa naratif saintifik yang jelas (Impey & MacGregor 1985). Contohnya, penubuhan *British Museum* pada tahun 1753 menggabungkan koleksi buku, manuskrip dan artifak dari koloni sebagai simbol kekayaan empayar (Bennett 1995). Begitu juga dengan *Ashmolean Museum* di Oxford yang menempatkan koleksi hasil pelayaran dan dagangan, mencerminkan hubungan erat antara perdagangan kolonial dan pengumpulan budaya (MacKenzie 2009).

### FASA ILMIAH DAN SISTEMATISASI (ABAD KE-19)

Menjelang abad ke-19, perkembangan ilmu sains moden seperti antropologi, arkeologi dan etnografi telah mengubah fungsi muzium daripada ruang kehairanan kepada institusi sistematik yang menginstitusikan ilmu kolonial. Artifak diperoleh melalui rampasan perang, ekspedisi saintifik dan penjajahan, lalu diklasifikasikan mengikut logik taksonomi Barat yang menekankan evolusi budaya dan ras. Muzium menjadi bukti fizikal kekuasaan kolonial, di mana koleksi etnografi dipamerkan secara berperingkat dari “primitif” ke “moden”, seperti yang dapat dilihat di *Pitt Rivers Museum* di Oxford. Di Paris, *Musée d’Ethnographie du*

*Trocadéro* menjadi pusat visualisasi dunia bukan Barat, memperkukuh naratif bahawa masyarakat terjajah berada dalam tahap peradaban yang lebih rendah dan memerlukan bimbingan Barat (Gosden & Knowles 2001).

### FASA IDEOLOGISASI DAN PENDIDIKAN KOLONIAL (AWAL ABAD KE-20)

Pada fasa ini, muzium berfungsi sebagai instrumen ideologi empayar yang memaparkan imej penjajah sebagai pelindung, pencipta ketamadunan dan pembawa kemajuan. Galeri tetap diwujudkan untuk menceritakan kejayaan imperialis dan kegagalan masyarakat tempatan, manakala reka bentuk bangunan muzium meniru estetik klasik Eropah bagi menampilkan autoriti dan peradaban. *Empire Exhibition* yang diadakan di London pada tahun 1924 dan 1938 merupakan contoh jelas bagaimana muzium dan pameran digunakan untuk menampilkan “kemajuan” kolonial kepada masyarakat British. Di Asia Tenggara, Muzium *Raffles* di Singapura (kini *Asian Civilisations Museum*) digunakan untuk mendidik penjajah dan pentadbir kolonial tentang masyarakat Timur, sambil mengekalkan naratif dominasi dan eksotisme (Barringer & Flynn 1998).

### FASA PASCA KOLONIAL DAN LEGASI KURATORIAL

Walaupun banyak negara bekas jajahan mencapai kemerdekaan pada pertengahan abad ke-20, warisan kuratorial kolonial kekal dalam bentuk naratif, metodologi dan struktur galeri. Muzium Negara Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1957, misalnya, dibentuk berdasarkan struktur taksonomi British. Walaupun koleksi Melayu dan Islam diwujudkan, naratif yang mendasari pameran masih menggambarkan masyarakat Melayu sebagai statik dan tidak berubah, selari dengan pandangan kolonial terhadap budaya Timur (Dellios 1999; Abd Jalal et al. 2020).

Kajian tempatan menunjukkan bahawa struktur pameran muzium di Malaysia masih mengekalkan logik Barat seperti garis masa linear dan klasifikasi peradaban, manakala koleksi di muzium bekas penjajah tidak dikembalikan dan kekal sebagai warisan empayar (Abd Jalal et al. 2020). Muzium bukan sahaja menyimpan objek, tetapi turut membina naratif, simbol dan imaginasi tentang kuasa. Ia berfungsi sebagai institusi budaya yang memperkukuh legitimasi penjajahan melalui artifak, naratif dan persembahan visual. Memahami evolusi

ini penting untuk memutuskan rantai warisan epistemologi kolonial yang masih membayangi kurasi kontemporer. Ia membuka ruang kepada usaha dekolonisasi muzium, termasuk pemulangan artifak, pengiktirafan epistemologi tempatan, dan pembinaan naratif alternatif yang lebih adil dan inklusif.

#### MEKANISME PENERAPAN ILMU KOLONIAL DALAM PAMERAN MUZIUM

Institusi muzium bukan sekadar ruang fizikal untuk menyimpan dan mempamerkan objek, ia merupakan tapak wacana yang memainkan peranan aktif dalam pembentukan dan penyebaran ideologi kolonial. Melalui pemilihan, susun atur, dan interpretasi objek, muzium kolonial membentuk cara pengunjung memahami Dunia bukan-Barat. Mekanisme ini bersifat sistemik dan sarat dengan makna ideologi, di mana setiap keputusan kuratorial mencerminkan struktur kuasa dan epistemologi dominan. Lima strategi utama dapat dikenal pasti dalam penerapan ilmu kolonial dalam pameran muzium.

#### TAKSONOMI ILMIAH KOLONIAL

Salah satu mekanisme utama ialah penggunaan sistem klasifikasi Barat untuk menyusun objek dari tanah jajahan. Artifak dikategorikan mengikut kronologi, fungsi, atau evolusi budaya, dengan susun atur galeri yang menunjukkan peralihan daripada “primitif” ke “bertamadun”, meletakkan budaya Barat sebagai kemuncak bertamadun. Pendekatan ini menghapuskan epistemologi tempatan seperti sistem kosmologi Islam, adat Melayu, atau kepercayaan masyarakat asal, dan meletakkan budaya koloni sebagai peninggalan masa silam yang tidak relevan dengan kehidupan moden (Hooper-Greenhill 2000; Kraft 2018). Contohnya, koleksi etnografi di *Pitt Rivers Museum* disusun mengikut fungsi alat, bukan mengikut asal usul budaya, menyebabkan makna asal objek hilang dan digantikan dengan logik saintifik Barat yang abstrak dan terpisah daripada konteks sosial yang asal.

#### NARATIF PENEMUAN DAN PENYELAMATAN

Ilmu kolonial sering memaparkan objek sebagai “ditemui” atau “ diselamatkan” oleh sarjana Barat daripada kehancuran, sekali gus memberikan justifikasi moral terhadap penjajahan dan pemindahan artifak ke Barat. Naratif ini menafikan hak milik dan agensi komuniti asal, dan membina

imej penjajah sebagai pelindung budaya dunia. Kajian tempatan menunjukkan bahawa naratif ini turut digunakan dalam konteks Tanah Melayu, di mana artifak seperti manuskrip Jawi, keris dan tekstil Melayu dipamerkan tanpa melibatkan naratif pemilik asal atau konteks spiritualnya (Abd Jalal et al. 2020). Kajian Skeat dan Blagden terhadap budaya pra-Islam masyarakat Melayu dan Orang Asli, misalnya, menonjolkan penjajah sebagai penyelamat budaya “asli” yang kononnya terancam oleh Islamisasi (Schauer 2012). Naratif ini turut diteruskan dalam pameran muzium besar di Barat, seperti paparan mumia Mesir yang disertai dengan kisah bagaimana ahli arkeologi British “menemui” dan “memulihara” warisan kuno. Artifak Melayu, India dan Afrika pula sering ditunjukkan sebagai peninggalan zaman silam tanpa kesinambungan dengan komuniti moden, sekaligus menafikan kedaulatan ilmu tempatan dan memberi legitimasi moral kepada kolonialisme.

#### OBJEKTIFIKASI DAN PENGEKSTRAKAN KONTEKS

Objek dari kolonial sering dipamerkan sebagai “benda mati” tanpa naratif sosial, spiritual atau makna asal. Ia kehilangan fungsi sakral, hubungan dengan komuniti, dan makna kosmologi. Tengkorak manusia, alat pemujaan, dan kitab suci dipamerkan seperti bahan kajian saintifik, manakala kaligrafi Islam dipisahkan daripada teks Al-Qur’an dan hanya dinilai dari aspek estetika. Implikasi utama pendekatan ini ialah pengubahan warisan hidup menjadi tontonan eksotik, serta pengasingan objek daripada sistem kepercayaan asal. Muzium kolonial dengan itu berperanan dalam membekukan budaya bukan-Barat sebagai “masa silam” yang tidak relevan dengan masa kini (Ryan 2015).

#### REKA BENTUK VISUAL DAN ESTETIKA KOLONIAL

Reka bentuk pameran muzium kolonial direka untuk mengawal pengalaman pelawat secara halus melalui penggunaan cahaya suram, susun atur linear, label ilmiah sepihak, dan jarak fizikal antara objek dan pengunjung. Bahasa label biasanya dalam perspektif luar (*third-person*), tanpa suara komuniti asal, dan objek dari koloni dipamerkan dengan estetik misteri atau eksotik (Preziosi 2004). Contohnya, pameran Asia Tenggara di muzium Eropah sering menggunakan lampu kuning suram dan teks dramatik seperti “*tribal legacy*” atau

“*forgotten civilization*”, yang membina persepsi bahawa budaya tersebut telah pupus dan hanya wujud sebagai bahan tontonan.

#### PEMBUNGKAMAN SUARA KOMUNITI ASAL

Salah satu ciri paling ketara dalam mekanisme kolonial ialah penghapusan naratif masyarakat asal daripada wacana muzium. Komuniti dilihat hanya sebagai pengeluar objek, bukan sebagai pentafsir sejarah mereka sendiri. Muzium menjadi suara tunggal penjajah, dan pengetahuan tempatan, spiritual atau pengalaman hidup tidak dimasukkan dalam label dan pameran. Contohnya, Muzium British jarang menyatakan bagaimana objek diperoleh melalui rampasan atau perjanjian yang tidak seimbang. Ketiadaan naratif ini menjadikan muzium sebagai ruang yang menyebarkan “kebenaran” kolonial secara sepihak dan sistematik (Greer Valley 2017).

Mekanisme penerapan ilmu kolonial dalam pameran muzium bukan sahaja bersifat teknikal, tetapi merupakan proses politik dan epistemik yang menghasilkan kuasa simbolik. Muzium kolonial berperanan dalam ‘menerbitkan’ kebenaran kolonial dan menyebarkannya secara sistematik. Ia adalah medan kuasa yang menyusun siapa yang boleh bercakap, siapa yang hanya dipamerkan, dan siapa yang menentukan makna sesuatu artifak. Menyedari mekanisme ini penting untuk membuka ruang kepada pendekatan kuratorial dekolonial dan pluralistik yang adil serta beretika. Ia juga menjadi asas kepada usaha membina semula sistem pengetahuan yang mengiktiraf suara, makna dan nilai komuniti asal.

#### KRITIKAN PASCAKOLONIAL DAN USAHA DEKOLONISASI DALAM MUSEOLOGI

Sejak dekad 1980-an, pendekatan pasca kolonial mula mencabar dominasi naratif kolonial dalam institusi muzium. Kritikan ini bukan sahaja membongkar sejarah penjajahan yang disenyapkan, tetapi juga menuntut penstrukturan semula sistem kuratorial, epistemologi, dan hubungan kuasa dalam pameran muzium. Muzium moden, yang selama ini dianggap sebagai institusi neutral dan saintifik, mula dilihat sebagai alat hegemoni epistemik yang menyebarkan naratif dominan melalui representatif visual dan kuratorial.

#### ASAS TEORI PASCAKOLONIAL DALAM KRITIKAN MUZIUM

Sarjana pasca kolonial seperti Edward Said, Homi Bhabha dan Gayatri Spivak telah memberikan kerangka teori yang penting dalam memahami bagaimana institusi muzium berperanan dalam pembentukan dan pengekalakan wacana kolonial. Said (1978) memperkenalkan konsep Orientalisme, iaitu cara Barat mentafsir Timur sebagai eksotik, lemah dan memerlukan bimbingan. Dalam konteks muzium, orientalisme diterjemahkan melalui pameran yang menampilkan budaya Timur sebagai “lain” dan “terbelakang”. Spivak (1988) pula menekankan bahawa suara *subaltern*, iaitu golongan yang terpinggir dan tidak memiliki kuasa untuk menuturkan sejarah mereka sendiri sering disenyapkan dalam wacana muzium. Bhabha (1994) menambah bahawa muzium berperanan dalam menstabilkan identiti kolonial melalui pameran yang kelihatan objektif tetapi sebenarnya sarat dengan makna politik dan ideologi.

#### BENTUK-BENTUK USAHA DEKOLONISASI MUZIUM

Dekolonisasi muzium bukan sekadar pemulangan artifak, tetapi melibatkan transformasi menyeluruh terhadap epistemologi, etika dan struktur institusi. Antara bentuk usaha dekolonisasi yang semakin mendapat perhatian (Barringer & Flynn 1998) ialah:

- Repatriasi: Pemulangan artifak kepada komuniti asal, seperti pemulangan *Benin Bronzes* kepada Nigeria.
- Kurasi Kolaboratif: Komuniti asal terlibat secara aktif dalam pentafsiran, susun atur dan naratif pameran.
- Label Alternatif: Naratif bukan-Barat diberikan ruang sejajar dengan naratif kurator Barat.
- Audit Naratif: Institusi mengkaji semula asal-usul koleksi dan naratif sejarah yang dibentuk secara sepihak.

Contoh muzium yang telah mengaplikasikan pendekatan ini termasuk *Museum of New Zealand Te Papa Tongarewa* yang mengamalkan model *bicultural governance* antara suku kaum Māori dan bukan Māori, serta *National Museum of the*

*American Indian* di Amerika Syarikat yang memberi ruang penuh kepada suara suku kaum asli dalam pameran mereka.

## STRATEGI INSTITUSI MUZIUM GLOBAL

Beberapa institusi muzium besar di Barat telah memulakan langkah ke arah dekolonisasi, walaupun dalam bentuk yang berbeza dan kadangkala terbatas:

Institusi	Strategi Dekolonisasi
<i>British Museum</i>	Menyatakan asal usul rampasan, tetapi belum memulangkan artifak.
<i>Humboldt Forum, Berlin</i>	Menyemak semula naratif kolonial dalam koleksi Afrika.
<i>Musée du Quai Branly, Paris</i>	Memulakan pemulangan artifak kepada Benin dan Senegal.
<i>Weltmuseum, Vienna</i>	Mengadakan pameran yang dikurasi oleh kurator luar dari Dunia Selatan.

Langkah-langkah ini menunjukkan kesedaran awal terhadap keperluan dekolonisasi, namun masih berdepan pelbagai cabaran dari segi struktur institusi, etika kuratorial dan dominasi wacana Barat.

### KRITIKAN TERHADAP PROSES DEKOLONISASI

Walaupun usaha dekolonisasi semakin berkembang, ia tidak terlepas daripada kritikan. Antara isu utama yang dibangkitkan (Abdul Rahim et al. 2017) ialah:

- Simbolik semata-mata: Banyak usaha hanya bersifat token semata tanpa perubahan mendalam terhadap struktur dan naratif.
- Dominasi sarjana Barat: Suara komuniti asal masih dikawal oleh kurator dan ahli akademik Barat.
- Kurangnya kesedaran etika: Tiada pertimbangan terhadap nilai agama, spiritual dan adat tempatan.
- Proses lambat dan tidak menyeluruh: Tidak mengakui kerosakan epistemik yang telah berlaku akibat penjajahan.

Kritikan ini menunjukkan bahawa dekolonisasi bukan sekadar tindakan pentadbiran, tetapi memerlukan perubahan paradigma yang mendalam dan berterusan.

### IMPLIKASI KEPADA DUNIA ISLAM DAN ALAM MELAYU

Dalam konteks Dunia Islam dan Alam Melayu, dekolonisasi muzium mempunyai implikasi yang besar. Dunia Islam memiliki warisan epistemik tersendiri seperti fiqh, adab, dan falsafah ilmu yang boleh menjadi alternatif terhadap pendekatan Barat. Proses dekolonisasi di Alam Melayu menuntut pengiktirafan terhadap ilmu Islam, manuskrip Jawi,

sejarah ulama dan naratif tempatan yang selama ini disenyapkan atau dimanipulasi.

Kajian tempatan seperti oleh Abd Jalal et al. (2020) menekankan keperluan untuk membangunkan konsep muzium berasaskan kearifan tempatan Melayu-Islam sebagai alternatif kepada *worldview* Barat yang dominan. Perlu wujud kurator Muslim dekolonial yang memiliki pengetahuan dua arah: ilmu kurasi moden dan ilmu adab-ilmiah warisan Islam. Ini penting untuk membina naratif yang bukan sahaja adil, tetapi juga berakar kepada tradisi keilmuan tempatan yang kaya dan berwibawa.

Dekolonisasi muzium bukan sekadar usaha logistik atau pentadbiran, tetapi merupakan revolusi epistemik yang menuntut perubahan cara kita memahami pengetahuan, sejarah dan kuasa. Kritikan pasca kolonial telah membuka jalan kepada kesedaran ini, namun tanggungjawab seterusnya ialah membina semula naratif alternatif yang adil, berakar dan membebaskan. Dalam konteks Alam Melayu dan Dunia Islam, usaha ini bukan sahaja relevan, tetapi mendesak demi keadilan sejarah dan pemulihan warisan ilmu yang telah lama dipinggirkan.

### KESIMPULAN

Artikel ini telah mengupas secara mendalam hubungan simbiosis antara ilmu kolonial dan institusi muzium, serta bagaimana kedua-duanya saling memperkuat dalam membentuk dan menyebarkan wacana penjajahan. Ilmu kolonial menyediakan naratif, klasifikasi dan justifikasi akademik yang berpaksikan kepada ideologi dominasi, manakala muzium bertindak sebagai pentas visual yang mengabsahkan dominasi tersebut di ruang awam melalui mekanisme kuratorial yang bersifat hegemonik dan sepihak.

Analisis terhadap evolusi muzium menunjukkan bahawa institusi ini bukan sahaja berfungsi sebagai tempat penyimpanan artifak, tetapi juga sebagai alat ideologi yang membentuk persepsi masyarakat terhadap Dunia Bukan-Barat. Mekanisme seperti taksonomi budaya, naratif penyelamatan, objektifikasi artifak, dan pembungkaman suara komuniti asal membuktikan bahawa kuasa kolonial bukan sahaja bersifat material, tetapi juga epistemik. Kritikan pasca kolonial yang muncul sejak dekad 1980-an telah membuka ruang kepada pelbagai usaha dekolonisasi dalam bidang museologi. Usaha seperti repatriasi, kurasi kolaboratif, audit naratif dan pengiktirafan epistemologi tempatan menunjukkan arah perubahan yang positif, namun masih berdepan cabaran dari segi struktur institusi, etika kuratorial dan dominasi wacana Barat.

Dalam konteks Malaysia dan Dunia Islam, dekolonisasi muzium menuntut pengiktirafan terhadap warisan ilmu Islam, manuskrip Jawi, sejarah ulama dan naratif tempatan yang selama ini dipinggirkan. Hanya dengan pendekatan yang adil, berakar dan membebaskan, institusi muzium dapat memainkan peranan baharu sebagai ruang dialog, pemulihan dan keadilan sejarah. Kesedaran terhadap hubungan simbiosis antara ilmu kolonial dan muzium adalah langkah awal yang penting. Namun, transformasi sebenar hanya akan berlaku apabila institusi muzium sanggup melepaskan monopoli tafsiran dan membuka ruang kepada suara komuniti asal, termasuk sistem nilai, spiritualiti, dan sejarah lisan mereka. Dekolonisasi bukan sekadar pembedahan sejarah, tetapi pembinaan semula sistem pengetahuan yang lebih inklusif, beretika dan berakar kepada realiti tempatan.

#### RUJUKAN

- Abd Jalal, A.F., Abdul Rahim, R.A. & Ahmad Adam Broughton, M. Y. 2020. Muzium dan kedaulatan institusi beraja di Malaysia. *Jurnal 'Uluw* 5(1): 27–44.
- Abd Jalal, A.F., Awang Pawi, A.A. & Abdul Rahim, R. A. 2020. Konsep muzium baru: Analisis kritikal pemikiran kolonial terhadap bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia* 3(1): 122–147.
- Abdul Rahim, R.A., Abdul Jalal, A.F., Ismail, H., Ismail, A.H. & Abd Razak, M.I. 2017. Pengaruh ilmu kolonial dalam permuziuman di Malaysia: Satu analisis. *E-Academia Journal* 6(1): 127–141.
- Barringer, T. & Flynn, T. 1998. *Colonialism and the object: Empire, material culture and the museum*. Routledge.
- Bennett, T. 1995. *The birth of the museum: History, theory, politics*. Routledge.
- Bhabha, H.K. 1994. *The location of culture*. Routledge.
- Clifford, J. 1988. *The predicament of culture: Twentieth-century ethnography, literature, and art*. Harvard University Press.
- Dellios, P. 1999. Museums and nation-building in Malaysia: The politics of representation. *Journal of Southeast Asian Studies* 30(2): 345–360.
- Foucault, M. 1980. *Power knowledge: Selected interviews and other writings 1972–1977*. Pantheon Books.
- Gosden, C. & Knowles, C. 2001. *Collecting colonialism: Material culture and colonial change*. Berg.
- Gramsci, A. 1971. *Selections from the prison notebooks*. International Publishers.
- Greer Valley. 2017. *Confronting the museum's colonial past: Towards new strategies of institutional critique*. University of Stellenbosch.
- Hooper-Greenhill, E. 2000. *Museums and the interpretation of visual culture*. Routledge.
- Impey, O. & MacGregor, A. 1985. *The origins of museums: The cabinet of curiosities in sixteenth- and seventeenth-century Europe*. Clarendon Press.
- Ismail, A.H., Abdul Rahim, R.A. & Kamil, I.M.M. 2025. Konsep muzium dalam perspektif Barat dan isu kearifan tempatan Melayu-Islam: Satu sorotan awal. *MINDEN Journal of History and Archaeology* 2(1): 179–194.
- Kraft, S. 2018. *Acknowledging the colonial past: Display methods of ethnographic objects*. Seton Hall University.
- Latour, B. 2005. *Reassembling the social: An introduction to actor-network-theory*. Oxford University Press.
- MacKenzie, J.M. 2009. *Museums and empire: Natural history, human cultures and colonial identities*. Manchester University Press.
- Preziosi, D. 2004. *Brain of the earth's body: Museums and the fabrication of modernity*. University of Minnesota Press.
- Ryan, L. 2015. *Transcending boundaries: The arts of Islam*. University of Western Sydney.
- Said, E.W. 1978. *Orientalism*. Pantheon Books.
- Schauer, M. 2012. Colonial knowledge and the construction of Malay identity. *Journal of Southeast Asian Studies* 43(3): 421–440.
- Spivak, G.C. 1988. *Can the subaltern speak? In C. Nelson & L. Grossberg (Eds.), Marxism and the interpretation of culture* (pp. 271–313). University of Illinois Press.